

No. 20/2016

8 Disember 2016

KENYATAAN MEDIA

BIASISWA TAJAAN KERAJAAN JEPUN 2017 (MONBUKAGAKUSHO:MEXT)

PENGAJIAN JEPUN & LATIHAN PERGURUAN

Kedutaan Jepun di Malaysia dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Biasiswa Tajaan Kerajaan Jepun (Monbukagakusho:MEXT) untuk Pengajian Jepun dan Latihan Perguruan kini dibuka untuk permohonan sehingga **17 Februari 2017**. Rakyat Malaysia yang berkelayakan yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di Jepun adalah dipelawa untuk memohon. Semasa tempoh biasiswa, elaun bulanan anggaran sebanyak 117,000 yen (ang. RM4,500) akan diberi kepada setiap penerima biasiswa Pengajian Jepun, dan 143,000 yen (ang. RM5,500) untuk setiap penerima biasiswa Latihan Perguruan (jumlah adalah tertakluk kepada perubahan). Yuran untuk peperiksaan kemasukan universiti, matrikulasi dan tuisyen di universiti adalah dikecualikan. Tiket kapal terbang pergi-balik juga disediakan.

Syarat-syarat:

1. Pengajian Jepun (kursus non-degree setahun bermula dari Oktober 2017)

- a) Pemohon mestilah berumur antara 18 hingga 29 tahun pada 1 April 2017 (dilahirkan antara 2 April 1987 dan 1 April 1999)
- b) Pemohon mestilah siswazah **tahun 2 atau tahun 3** (bukan pelajar tahun akhir) yang **major dalam Bahasa Jepun atau Kebudayaan Jepun** di mana-mana universiti selain universiti di Jepun.
- c) Pemohon mestilah mahir dalam bahasa Jepun.
- d) Permohonan mesti sampai di Kedutaan Jepun di Malaysia **sebelum pukul 4 petang pada 17 Februari 2017**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-2177-2600 (ext. 157/146) atau layari <http://www.my.emb-japan.go.jp/English/JIS/education/scholarship/scholarship.htm>

2. Latihan Perguruan (kursus non-degree 1½ tahun bermula dari Oktober 2017)

- a) Pemohon mestilah di bawah umur 35 tahun pada 1 April 2017 (dilahirkan pada atau selepas 2 April 1982).
- b) Pemohon mestilah siswazah universiti atau Maktab Perguruan yang telah bekerja sebagai guru di sekolah rendah atau menengah atau staf akademik di Maktab Perguruan dengan **sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja**.
- c) Pemohon mestilah mahir dalam Bahasa Inggeris dan berkebolehan untuk belajar Bahasa Jepun.
- d) Permohonan harus dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.jpa.gov.my> atau hubungi Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan di 03-8885-3546 atau ldp@jpa.gov.my.

Kedutaan Jepun akan menghubungi pemohon yang memenuhi syarat sahaja (melalui emel dan surat) untuk menghadiri temuduga yang dijangka berlangsung pada awal bulan Mac 2017.